

Guna sistem maklumat geografi urus tanah wakaf tak produktif

Oleh Dr Nor Syahidah Ishak
bhrencana@bh.com.my

Tanah wakaf tidak produktif merangkumi tanah wakaf terbiar dan tidak dibangunkan dengan baik antara isu dihadapi institusi wakaf dalam menguruskan tanah wakaf yang diamanahkan.

Masa ini, masih banyak tanah wakaf bermasalah dan tidak dimanfaatkan sepenuhnya serta tidak memberikan manfaat kepada pewakaf. Isu ini bukan isu baharu, sebaliknya sudah lama membelenggu pemegang amanah tanah wakaf di negara ini.

Terdapat beberapa masalah dalam pengurusan tanah wakaf kadangkala menyebabkan proses pembangunan tanah wakaf dan pengagihan manfaat tidak dapat dilakukan.

Kebanyakan tanah wakaf berada di lokasi kurang strategik dan tidak berpotensi dibangunkan. Selain itu, tujuan khusus tanah wakaf oleh pewakaf juga membataskan penggunaan tanah untuk diuruskan. Namun, data bagi tanah wakaf tidak produktif tidak terdapat secara menyeluruh.

Pemantauan dan pengurusan tanah wakaf efektif perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak dan menggunakan teknologi untuk menghasilkan manfaat bagi kegunaan masyarakat dan lebih produktif.

Oleh yang demikian, sistem maklumat tanah wa-

kaf menggunakan aplikasi sistem maklumat geografi (GIS) dapat membantu usaha pemetaan tanah wakaf dengan mengambil kira data berkaitan dengan lokasi tanah wakaf, status tanah wakaf, keluasan, keadaan tanah dan potensi pembangunan di sekitar tanah berkenaan.

GIS bantu klasifikasikan tanah wakaf

Aplikasi GIS dapat membantu mengklasifikasikan tanah wakaf mengikut maklumat diberikan, sekaligus membantu majlis agama Islam negeri (MAIN) atau institusi wakaf merancang sebarang aktiviti bagi tanah berkenaan.

GIS adalah satu sistem mampu menginput, mengurus, mengolah dan menganalisis serta memapar data ruangan serta data bukan ruangan.

GIS boleh dilihat sebagai satu set alat membolehkan pengguna menganalisis data spatial, seperti peta. GIS adalah sistem automatik menangkap, menyimpan, memperoleh semula, menganalisis dan memaparkan data spatial.

Selain itu, maklumat geografi juga boleh diperoleh melalui sistem GIS termasuk kedudukan dan saiz lot tanah, status pemilihan tanah dan lain maklumat berkaitan kedudukan geografi sesuatu tempat tanah wakaf.

Data dan maklumat tersusun memudahkan MAIN atau institusi wakaf mengenal pasti kedudukan dengan tepat dan mengurus serta dan mengendalikan tanah wakaf secara optimum melalui teknologi komputer.

Pemadanan alamat dan lokasi akan dilakukan

termasuk analisis lokasi tanah atau pemilihan tapak.

Apabila status setiap tanah wakaf dikesan dan dikenal pasti, pelaksanaan istibdal antara alternatif terbaik dalam membangunkan tanah wakaf tidak produktif.

Pelaksanaan istibdal (pertukaran harta wakaf) dibolehkan sekiranya darurat atau ada keperluan mendesak untuk dilakukan dan menepati darurat isu tanah wakaf tidak produktif dan tidak dapat dimanfaatkan.

Terdapat beberapa pelaksanaan istibdal dilaksanakan MAIN termasuk secara jualan tanah dan mekanisme istibdal iaitu harta wakaf diganti mesti mempunyai nilai sama atau lebih tinggi.

Pemetaan tanah wakaf melalui aplikasi GIS dapat membantu meningkatkan kecekapan tadbir urus tanah wakaf di Malaysia seterusnya dapat memberikan dan berkongsi manfaat kepada penerima wakaf.

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan MAIN boleh bekerjasama mendapatkan maklumat tepat tanah wakaf yang ada bagi membantu menyelesaikan masalah berkaitan tanah wakaf tidak produktif.

Ia juga dapat memberikan gambaran guna tanah wakaf lebih baik, mudah difahami dan terperinci kepada orang awam.

Ia juga memberi manfaat kepada pewakaf sebagai ibadah sedekah jariah menjanjikan pahala berterusan selagi mana harta diwakafkan kekal dan dimanfaatkan setiap lapisan masyarakat.



Felo Penyelidik Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat merangkap Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM)